

BM01

Baca petikan karangan di bawah ini, kemudian terangkan makna 10 patah perkataan yang bergaris bawah sebagaimana yang digunakan dalam petikan karangan tersebut. (10 markah)

Membaca buku, akhbar dan majalah (1) mendatangkan pelbagai (2) faedah. Cerita dan berita dari negara-negara jiran dapat kita ketahui tanpa kita mengunjungi negara-negara (3) tersebut. Kalau kita membaca buku mengenai ilmu (4) ekonomi, kita akan ketahui pelbagai jenis saham yang boleh kita beli. Pada dasarnya, pemegang-pemegang saham akan mendapat (5) faedah. Bagi menjaga (6) ekonomi keluarga pula, kita (7) perlu membaca artikel-artikel berbentuk panduan daripada akhbar, buku atau majalah. Kita juga boleh meneliti jenis-jenis barangan yang (8) perlu untuk kegunaan harian. Melalui akhbar tempatan juga, kita boleh mengetahui tentang persatuan yang akan (9) mendatangkan pensyarah dari luar negeri. Semasa membaca, janganlah sekali-kali kita (10) tersebut perkataan yang kurang sopan dengan lantang walaupun perkataan itu terdapat di dalam bacaan kita.